

Penyenggaraan saluran tidak konsisten punca banjir - NGO

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Kegagalan menyenggara sistem saluran secara konsisten antara punca banjir kilat sering melanda ibu kota dakwa Pengerusi Persatuan Pengusaha Teksi Wilayah Persekutuan dan Selangor, Datuk Aslah Abdullah.

Menurut beliau, banyak longkang dan parit tersumbat menyebabkan ia gagal berfungsi dengan baik.

"Sungai pun tidak akan dapat menampung jumlah air yang ba-

nyak sekiranya tersumbat. Ini menyebabkan banjir kilat mudah berlaku dalam masa singkat.

"Sistem saluran perlu dibersihkan dan disenggara secara konsisten atau lebih awal sebelum tiba musim hujan akhir tahun agar perkara seumpama ini tidak terus berlaku," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menngulas kejadian banjir kilat yang me-

landa beberapa kawasan di ibu kota kelmarin sehingga mengakibatkan beberapa laluan utama mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk.

Antara laluan yang terjejas adalah Jalan Tun Razak, Jalan Loke Yew, Jalan Semarak, Jalan Ipoh dan Jalan Kuching.

Menurut Aslah, tiada sebarang aduan diterima daripada ahli-ahli persatuan membabitkan kerugian akibat kejadian tersebut.

"Kejadian semalam tidak seteruk banjir kilat yang berlaku di Kajang baru-baru-baru ini kerana ramai pengguna jalan raya atau pengusaha teksi masih berkesempatan mencari kawasan selamat.

"Di Kajang, air naik secara mendadak dan banyak pengguna jalan raya tidak sempat melarikan diri ke tempat lebih selamat termasuk dua pengusaha teksi mengalami kerugian akibat kerosakan kenderaan,"

katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Baharim Abd. Razak berkata, pihaknya mencadangkan agar kerajaan Pusat menambah peruntukan belanjawan bagi menampung kos penyenggaraan di ibu kota.

"Saya percaya pelbagai isu di ibu kota termasuk sistem saluran tersumbat dapat diselesaikan dengan

baik jika kos penyenggaraan mencukupi.

"Belanjawan RM2.3 bilion setahun adalah kecil untuk menampung segala kos penyenggaraan bagi sebuah bandar raya bertaraf dunia," katanya.

Beliau mendakwa, kos yang tidak mencukupi menjadi faktor kegagalan penyenggaraan secara konsisten dan akibatnya banjir kilat akan terus melanda.